

Amir kejar pangkat dan wang — PM

Mn. M. 11 APR 1993

Oleh
**BAHAROM MAHUSIN
dan ZULKIFLEE BAKAR**

Ⓟ
SUBANG 10 April —
Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan pakatan kerajaan campuran antara PBS dan USNO di Sabah tidak akan kekal lama kerana kerjasama itu dibentuk oleh pemimpin yang mengejar pangkat dan wang ringgit untuk kepentingan diri sendiri.

Perdana Menteri berkata, Presiden USNO, Datu Amir Kahar Tun Datu Mustapha dan rakan-rakannya yang menyertai

kerajaan campuran itu bukan ahli politik tulen yang benar-benar mahu berkhidmat untuk rakyat Sabah.

Melompat

“Mereka macam katak selalu melompat...mereka akan melompat ke tempat yang ada lalat untuk cari makan. Orang seperti ini tidak boleh dipercayai,” katanya.

Dr. Mahathir yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) di sini pagi ini kembalinya dari lawatan ke Uzbekistan dan Iran serta mengerjakan

umrah di Mekah, memberitahu para pemberita, tindakan USNO tersebut tidak memeranjatkan Barisan Nasional (BN) dan UMNO.

“Kita telah lama mempunyai perasaan syak terhadap beberapa orang pemimpin USNO. Mereka awal-awal menunjukkan mereka berjuang kerana hendakkan sesuatu untuk diri sendiri.

“Mereka bukan mahu berkhidmat untuk Sabah, jauh sekali untuk Malaysia. Mereka masuk politik kerana mahu cari makan, hendak dapatkan kekayaan dan gelaran,” katanya.

LIHAT MUKA 10

Mn.M. 11 APR 1993

Amir kejar pangkat dan wang — PM

Menurut Perdana Menteri, perbuatan Amir Kahar dan rakan-rakannya bersekongkol dengan PBS dalam kerajaan campuran itu adalah berita baik untuk rakyat Sabah dan BN.

Beliau berkata, dengan perbuatan tersebut, rakyat Sabah dan pemimpin BN kini dapat mengenali siapa pemimpin Sabah yang ikhlas dan siapa wakil rakyat yang betul.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, keputusan sama ada USNO akan disingkirkan daripada komponen BN berikutan perbuatan Amir Kahar itu akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi

BN yang dijangka bermesyuarat Isnin ini.

“Pendirian UMNO dalam hal ini ialah USNO tidak sesuai lagi dengan perjuangan BN,” kata Perdana Menteri.

Bersetuju

Khamis lalu, Amir Kahar bersama Setiausaha Agung USNO, Askalani Abdul Rahim serta tiga orang lagi wakil rakyat parti itu bersetuju menerima tawaran kerajaan campuran Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Keputusan ini dibuat kira-kira 41 hari selepas Amir Kahar sendiri memberi jaminan kepada Dr.

Mahathir bahawa beliau sekali-kali tidak akan mengkhianati BN.

USNO merupakan ahli komponen BN manakala PBS ialah parti yang menguasai pemerintahan kerajaan Negeri Sabah yang dipimpin oleh orang yang sentiasa mengambil pendekatan berkonfrontasi dengan Kerajaan Pusat.

Pairin pada mulanya menjanjikan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah kepada Amir Kahar jika Amir Kahar bersetuju dengan tawaran tersebut tetapi kemudian menukar fikirannya pada saat-saat akhir.

Amir Kahar hanya di-

lantik sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan sedangkan jawatan Timbalan Ketua Menteri yang dijanjikan itu diberikan kepada seorang pemimpin wanita PBS.

Askalani (wakil rakyat USNO kawasan Lahad Datu) dilantik sebagai Menteri Sukan, Kebudayaan dan Belia manakala dua orang lagi wakil rakyat USNO, Pitting Mohamed Ali (Sekong) dan Mohamad Said Senang (Merotai) dilantik sebagai pembantu menteri.

Ditentang

Bagaimanapun tindakan Amir Kahar ini telah ditentang oleh enam orang wakil rakyat USNO yang lain, menyebabkan wakil-wakil rakyat USNO itu mengambil keputusan untuk menyertai UMNO.

Mereka ialah Hajiji Mohd. Nor (Sulaman), Dayang Mahani Tun Ahmad Raffae (Lumadan), Karim Bujang (Bangawan), Nasir Tan Sri Sakaran (Sulabayan), Datu Ismail Datu Jook (Balung) dan Aklee Abbas (Sukau).

Amir Kahar mengetuai

tujuh orang wakil rakyat USNO menemui Dr. Mahathir pada 23 Februari lalu di Jabatan Perdana Menteri untuk menyatakan pendirian mereka kononnya tidak akan bekerjasama dengan PBS.

Diminta mengulas apa yang sebenarnya berlaku dalam pertemuan dengan Amir Kahar itu, Dr. Mahathir berkata: “Mereka buat macam-macam rungutan seperti tidak dapat wang, tak dapat peruntukan, peluang berniaga dan kontrak kerajaan.

“Sebenarnya mereka jadi wakil rakyat hanya hendak cari duit. Kononnya hendak belanja untuk kawasan... tidak perlu ada berjuta-juta ringgit dan perniagaan baru boleh jadi wakil rakyat walaupun di Sabah,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, isu yang ditimbulkan oleh USNO yang mendakwa parti seperti ‘melukut di tepi gantang’ terhadap UMNO, BN dan Kerajaan Pusat, tidak timbul sama sekali kerana itu hanya alasan pemimpin-pemimpin USNO.

“Itu hanya alasan. Se-

bab, sebenarnya ialah tidak dapat peluang, tidak dapat kontrak. Itu sahaja,” tegasnya.

Mengenai kedudukan Amir Kahar yang telah diterima sebagai ahli UMNO oleh Majlis Tertinggi UMNO pada 6 Mac lalu, Dr. Mahathir berkata, ini menunjukkan Amir Kahar bukan seorang pemimpin yang mempunyai pendirian.

Permohonan

“Sewaktu menghantar borang permohonan, dia tidak menjelaskan kepada UMNO bahawa pada masa yang sama dia sedang membuat hubungan untuk menubuhkan kerajaan campuran dengan PBS. Dia tidak boleh dipercayai,” katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu tentang kesahihan kerajaan campuran PBS-USNO itu dengan sahnya Amir Kahar diterima sebagai ahli UMNO.